

# Memastikan Pulau Ubin Bebas daripada Penyakit Anjing Gila

Sejak tahun 1953, Singapura telah bebas daripada penyakit anjing gila. Namun, terdapat keperluan untuk terus melindungi Singapura daripada penularan penyakit ini, di samping menggalakkan pemilikan haiwan peliharaan secara bertanggungjawab, serta meningkatkan kebajikan haiwan.

Mulai Disember 2018, Perkhidmatan Haiwan dan Veterinar (AVS), yang merupakan kelompok di bawah NParks dan sebelum ini dikenali sebagai Penguasa Agromakanan dan Veterinar (AVA) Singapura, telah menjalankan Operasi Vax Lyssa di Pulau Ubin. Operasi Vax Lyssa ialah gerakan untuk memvaksin anjing terhadap penyakit anjing gila. Gerakan ini juga ialah sebahagian daripada inisiatif untuk memberikan vaksinasi penggalak bagi penyakit anjing gila, mengambil sampel darah, memasukkan mikrocip dan memandulkan anjing di Pulau Ubin. Dalam inisiatif ini, AVS bekerjasama dengan doktor haiwan swasta dan Save Our Street Dogs (SOSD), sebuah organisasi yang bermatlamat untuk menyelamat, memulih dan mencari tempat tinggal bagi anjing-anjing liar dan terbiar di Singapura.

Dua gerakan telah dijalankan pada bulan November 2019 dan Julai 2021. Daripada populasi sebanyak kira-kira 40 ekor anjing di Pulau Ubin, 27 ekor telah divaksinasi. Kami berharap untuk melengkapkan vaksinasi bagi anjing yang selebihnya dalam tempoh dua tahun akan datang. Operasi Vax Lyssa akan diteruskan setiap tahun bagi memastikan anjing-anjing di Pulau Ubin selamat daripada penyakit anjing gila.



For more information on Pulau Ubin, visit [www.nparks.gov.sg/pulau-ubin](http://www.nparks.gov.sg/pulau-ubin) or contact us at nparks\_pulau\_ubin@nparks.gov.sg

# Ubin Tides



## Pembukaan Semula Sin Nam Huat

Dinding dalam Rumah No. 40 — sebelum kerja pembaikan (kiri) dan selepas selesai pada Ogos 2021 (kanan)



bulan Disember 2019, dan setelah beberapa kali tertangguh disebabkan pandemik COVID-19, pembaikan pada Sin Nam Huat akhirnya selesai dan kedai tersebut diserahkan kembali kepada adik-beradik itu pada bulan Ogos 2021.

Satu pemeriksaan yang dijalankan pada tahun 2019 mendapati bahawa pembaikan besar diperlukan demi memastikan keselamatan dua beradik ini serta para pelanggan mereka. Pembaikan tersebut termasuk menggantikan tiang sokongan dan tiang rasuk, bumbung, siling palsu, lantai dan lapisan dinding, serta pembinaan longkang. Oleh sebab kerja-kerja tersebut terlalu besar dan terlalu mahal untuk ditanggung oleh dua beradik ini, mereka telah memohon bantuan daripada NParks.

Meskipun para penyewa perlu menanggung kos senggaraan bagi premis yang dilesenkan kepada mereka, NParks bersetuju untuk menjalankan pembaikan yang diperlukan atas dasar muhibah. Kerja-kerja pembaikan dimulakan pada



Dapur Rumah No. 40 — sebelum kerja pembaikan (kiri) dan selepas selesai pada Ogos 2021 (kanan)



“Saya dan adik bersyukur atas bantuan yang diberikan oleh NParks untuk membahru rumah ini. Jika tidak, kami tidak akan mampu menanggung kos yang diperlukan untuk menjalankan pembaikan sendiri.”

Puan Goh Sin Eng



Share your love for nature and animals at  
#NParksBuzz #AnimalBuzzSG

# Pesta Ubin dan Hari Ubin 2020



Terdapat juga empat aktiviti di lokasi, yang dijalankan secara berasingan oleh Cicada Tree Eco-Place, Kumpulan Teochew Singapura, Persatuan Fotografi Alam Semula Jadi Singapura, dan Sukarelawan U Cares untuk para peserta jelajah keindahan desa dan semula jadi pulau ini. Beberapa peserta bahkan berpeluang menanam pokok sebagai sokongan kepada usaha penghutanan semula dan gerakan OneMillionTrees. Semua aktiviti ini adalah dalam kumpulan kecil dan dijalankan mengikut Langkah-langkah Pengurusan Selamat semasa.



Apabila pandemik COVID-19 melanda Singapura pada awal tahun 2020, pengajur Pesta Ubin dan Hari Ubin terpaksa mengubah cara aktiviti-aktiviti dijalankan dengan mengambil kira Langkah-langkah Pengurusan Selamat semasa. Oleh sebab hanya beberapa acara sahaja boleh dijalankan di lokasi disebabkan seketan saiz perhimpunan, lebih banyak acara maya dianjurkan agar masyarakat dapat terus menyambut Pesta Ubin dan Hari Ubin, yang berlangsung sepanjang bulan September 2020.

Dari 12 hingga 26 September 2020, satu siri ceramah dalam talian dan aktiviti maya telah dianjurkan oleh sukarelawan dan pihak berkepentingan untuk memperkenalkan biodiversiti serta warisan budaya Pulau Ubin yang kaya. Ini termasuk lawatan kampung Melayu oleh penduduk keturunan Kampong Surau, ceramah tentang pemuliharaan burung oleh Kumpulan Burung daripada Nature Society (Singapore), jejak warisan oleh Kawan Ubin dan Persatuan Warisan Singapura, bengkel lukisan oleh seniman tempatan dan penyokong pemuliharaan hidupan liar Alpana Ahuja, dan jejak warisan kembala untuk menjelajahi bahagian-bahagian pulau ini yang kurang diketahui bersama Outward Bound Singapura. NParks juga melancarkan empat lawatan maya di YouTube, dan menganjurkan ceramah sehari untuk semua orang menikmati dan meraikan Ubin.

Berlangsung pada 26 September 2020, edisi ke-9 Hari Ubin ini menandakan kemuncak Pesta Ubin 2020. Acara ini dirasmikan oleh Encik Heng Swee Keat, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Penyelaras bagi Dasar Ekonomi, Encik Desmond Lee, Menteri Pembangunan Negara, dan Dr Mohamad Maliki Bin Osman, Menteri di Pejabat Perdana Menteri dan Menteri Kedua Pendidikan dan Ehwal Luar.



(Dari kiri) Menteri Mohamad Maliki Bin Osman, Timbalan Perdana Menteri Heng Swee Keat dan Menteri Desmond Lee (kanan) menanam pokok di Makmal Kehidupan Ubin semasa Hari Ubin 2020



Tangkapan skrin lawatan maya ke Anti-Motor Torpedo Boat Gun Battery



Tangkapan skrin webinari Hari Ubin pada 26 Sep 2021

## STRAW-HEADED BULBUL

- GLOBALLY CRITICALLY ENDANGERED
- SINGAPORE IS THE LAST STRONGHOLD
- UBIN HAS A SIZEABLE POPULATION



Ahli Friends of Ubin Network (FUN) memberikan taklimat kepada para tetamu tentang kemajuan pelbagai inisiatif di bawah Projek Ubin. Menteri Desmond Lee mengumumkan penemuan fauna baru yang mengujakan daripada Tinjauan Biodiversiti Ubin Menyeluruh, serta usaha penghutanan semula untuk Pulau Ubin yang akan dilaksanakan oleh NParks bersama masyarakat untuk 10 tahun akan datang.